

Pemuda MCA lulus usul terima keputusan

UM 29 JUN 2002

KUALA LUMPUR 28 Jun — Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda MCA Ke-39 hari ini meluluskan sebulat suara usul menerima keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan dan menyokong kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menggantikannya kelak.

“Perdana Menteri memilih untuk berundur pada masa kegemilangannya yang amat

mengejutkan rakyat tetapi kita berasa sayang sekali terhadap kehilangan seorang pemimpin berkaliiber,” menurut usul tersebut.

Perhimpunan itu yang diadakan di Dewan San Choon di ibu pejabat parti di sini dirasmikan oleh Timbalan Presiden parti, Datuk Lim Ah Lek dan dihadiri 1,528 wakil.

Ia juga menerima pelan damai membolehkan semua penyandang jawatan dalam Ahli

Jawatankuasa Pusat Pemuda dikekalkan bagi tempoh 2002-2005. Antara usul lain yang diterima pada perhimpunan tersebut ialah:

- Menyeru rakyat menolak dasar Islam ala Pas dan hudud ala Pas yang menghina wanita.
- Membidas DAP yang mengadakan hubungan sulit dengan Pas yang mengadai kepentingan kaum Cina.
- Menyeru kerajaan memberi peluang kepa-

Dr. Mahathir letak jawatan

da masyarakat pelbagai kaum dalam pembangunan negara.

- Menyeru Kementerian Pembangunan Usahawan menyediakan Tabung Usahawan Belia membantu usahawan muda tanpa mengira kaum.

- Menyokong penuh dasar kerajaan membuka 10 peratus kuota di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Program Matrikulasi kepada bukan bumiputera.

- Menyeru kerajaan mengambil langkah mengurangkan masalah polarisasi kaum di institusi pengajian tinggi (IPT) dan menambah aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara kaum supaya mencapai keharmonian dalam masyarakat majmuk.

- Menyeru pucuk pimpinan parti dan masyarakat Cina berganding bahu dan berusaha untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris.